

Teks Ucapan

YBHG. PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KARNIVAL KEBUDAYAAN MURID PRASEKOLAH

30 SEPTEMBER 2017 (SABTU) | 10:00 PAGI

DEWAN RESITAL

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Sehati
Sejiwa.**

(SALUTASI-akan disediakan)

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama meluangkan masa untuk hadir bagi menjayakan Karnival Kebudayaan Murid Prasekolah yang saya difahamkan, pertama kali dianjurkan oleh Program Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pendidikan dan Psikologi dengan kerjasama Pusat Minda Lestari, Universiti Malaysia Sabah. Tahniah kepada pihak penganjur kerana telah berupaya melaksanakan program besar ini.

Yang Berhormat Menteri, para ibu bapa dan murid prasekolah sekalian,

Karnival Kebudayaan Murid Prasekolah ini amat penting bagi melentur sifat-sifat positif kanak-kanak mencintai negara dengan cara mendedahkan mereka dengan rakan-rakan lain semasa aktiviti karnival ini dilaksanakan. Saya percaya, karnival ini berjaya merealisasikan tema "*Budaya Memartabatkan Bangsa*".

Menerusi karnival ini, ia dapat memanfaatkan peluang yang ada bagi mencungkil bakat kanak-kanak supaya dapat diterampilkkan bukan sahaja dapat bersaing di peringkat universiti malah mampu ditampilkkan di peringkat kebangsaan kelak. Anak-anak kecil ibarat kain putih yang akan mengikut warna-warni yang dicorakkan ke atas diri mereka. Analogi ini merupakan gambaran betapa kita sebagai orang dewasa berperanan dalam menentukan bentuk masa depan seorang kanak-kanak.

Al-Biruni pernah berkata, "*Hati kanak-kanak adalah suci. Oleh itu terpulanglah kepada kedua ibu bapa atau guru-gurunya tentang bagaimana dan cara apa... corak, warna, bentuk kanak-kanak tersebut untuk nak jadi.*" Falsafah ini menjadi gambaran kementerian kanak-kanak sebagai hasil daripada corak yang kita mahukan. Seorang kanak-kanak yang hebat, "kreatornya" adalah kita. Kitalah yang menjadi penentu arah melalui latihan berterusan dengan variasi aksi yang sistematik.

Pelbagai aktiviti yang bersifat kreativiti seperti persembahan kostum, apresiasi kesenian seperti sajak dan muzik merupakan aktiviti pengembangan bakat yang akan meninggalkan kesan positif terhadap minda kanak-kanak. Maka, wajarlah jika dapat saya katakan bahawa karnival ini sebagai arena yang betul untuk menyemai sifat kreatif dan berani dalam kalangan kanak-kanak. Sifat berani dan sifat bersaing akan menjadi budaya yang akan menggarap seni fikir seorang kanak-kanak ini nanti.

Melalui pertandingan yang dianjurkan akan menjadi titik-tolak kepada kecemerlangan kanak-kanak pada masa hadapan. Memang matlamat bertanding bukan semata-mata untuk menang dan menjadi wakil zon atau negeri tetapi lebih besar daripada itu adalah usaha kita menanamkan sifat bersaing secara sihat, berani, sifat menghormati dan mendengar kata orang yang lebih tua daripada mereka.

Sifat-sifat positif seumpama ini perlu diterapkan secara berterusan dalam kalangan kanak-kanak kerana Imam Al-Ghazali pernah mengingatkan kita; “...*agar melatih seorang kanak-kanak supaya mempunyai sifat berani, merendah diri, sabar dan menghormati orang yang lebih tua serta mentaati kedua orang tua mereka.* Karnival ini akan kekal menjadi gelanggang latihan kepada minda kanak-kanak dalam mendepani realiti kehidupan akan datang. Pengalaman yang diperoleh sebenarnya adalah ilmu.

Manakala ilmu itu tidak akan dapat diperoleh secara sepintas lalu. Asasnya perlu ada. Dan asas itu adalah aktiviti sebagaimana yang telah dilaksanakan dalam karnival kali ini. Saya mengesyorkan agar karnival ini dijadikan acara tahunan dan dimuatkan ke dalam kalendar aktiviti rasmi UMS dan dianjurkan secara besar-besaran supaya kanak-kanak mempunyai medan latihan membudayai ilmu dan membangun kreativiti selaras dengan matlamat pendidikan prasekolah,

yang berusaha melestari pendidikan awal kanak-kanak dengan penuh kegembiraan.

Kepada guru-guru yang turut terlibat sama, karnival ini merupakan cerminan kepada usaha anda. Bakat yang dipertontonkan oleh kanak-kanak ini adalah hasil daripada tunjuk ajar tulin daripada anda. Kanak-kanak ini telah menghiburkan kita dengan persembahan-persembahan luar biasa.

Anda sebagai guru telahpun melaksanakan tugas dengan penuh cemerlang dan dedikasi. Tahniah!!! Selaku Naib Canselor UMS, suka saya mengingatkan bahawa kecemerlangan diri itu perlu disemai agar lahir sebuah hasil yang cemerlang. Aristotel pernah berkata, "*Kita adalah apa yang kita lakukan secara berulang kali. Justeru, kecemerlangan bukanlah suatu tindakan tetapi satu tabiat*".

Tabiat bagi orang yang cemerlang, yakni anda sebagai guru adalah mengulangi seluruh usaha kecemerlangan tanpa jemu. Dalam konteks ini, anda adalah pengkarya dan karyawan yang bakal mencorakkan masa depan kanak-kanak dalam mendepani cabaran abad ke-21 ini.

Pada kesempatan ini juga, saya mengesyorkan agar guru-guru prasekolah mewujudkan kolaborasi bersama dalam usaha membangunkan potensi kanak-kanak agar menjadi seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah.

Jalinan kerjasama secara berterusan sudah tentu memberi impak besar kepada perkembangan kanak-kanak terutama dalam mencipta peluang kepada mereka menimba pengalaman melalui penyertaan karnival yang dianjurkan seperti hari ini. Peluang menimba pengalaman lebih bermakna daripada mendengar hasil dan teori semata-mata. Aristotel juga berpendapat bahawa, "*...sesiapapun tidak boleh mencipta pengalaman, seseorang mesti menghadapinya*".

Dalam hal menjadikan seseorang itu berpengalaman, hendaklah dengan melalui pengalaman itu. Kanak-kanak akan menyemai pengalaman apabila dapat menyertai pertandingan atau persembahan dalam mana-mana anjuran karnival prasekolah di semua peringkat.

Hadirin Hadirat sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, suka saya mengingatkan agar, “kita sebagai orang dewasa, sebagai seorang guru dan sebagai ibu bapa, bimbinglah kanak-kanak dengan ilmu yang bermanfaat, menyayangi mereka tanpa jemu kerana hati kanak-kanak adalah bersih dan bersinar seperti mutiara dan lembut seperti tanah yang membolehkan benih dapat disemai.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa penganjur, guru-guru prasekolah dan para ibu bapa yang turut serta menjayakan karnival ini.

*Wabillahitaufiq walhidayah,
assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.